



# Jamunaa

## menang 2 anugerah dalam pertandingan Chinese Bridge 2013

Berita dan Foto Oleh: YONG YING MEI

Pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Jamunaa A/P Patchappan, 23 menang dua anugerah dalam pertandingan *Chinese Bridge 2013* peringkat antarabangsa yang berlangsung di Hunan, China bermula pada 1 Julai hingga 12 Julai lalu.

Jamunaa memenangi Anugerah Kecemerlangan dan Anugerah Kharisma serta mendapat biasiswa tajaan pihak Hanban di China untuk membolehkan beliau mempelajari bahasa Mandarin di China.

Menurut Guru Bahasa Mandarin, Yong Ying Mei yang juga jurulatih Jamunaa berkata, persembahan tarian Cina "Burung Merak" dan menyampaikan ucapan dengan tajuk "Jodoh Saya dengan Chinese Bridge" menarik perhatian juri dan para penonton.

"Pertandingan *Chinese Bridge* ialah satu pertandingan kefasihan bahasa Mandarin bagi pelajar bukan Cina di kolej dan universiti yang

dianjurkan oleh Ibu Pejabat Institut Kongzi, Beijing, China atau HANBAN.

"Jamunaa merupakan juara dalam pertandingan *Chinese Bridge* peringkat kebangsaan pada bulan Mei yang lalu dicalonkan oleh Institut Kongzi, Universiti Malaya (UM) untuk mewakili Malaysia dalam pertandingan 2013 "*Chinese Bridge*" peringkat antarabangsa di China," katanya yang mengiringinya pelajar ke pertandingan tersebut.

Tambah beliau, bagi pertandingan ini calon-calon dibahagikan mengikut kategori benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika dan Australia manakala semua calon dikehendaki melalui ujian, persembahan, soal jawab dan pucapan awam.

Pertandingan peringkat antarabangsa ini dianjurkan oleh Hanban, China dengan kerjasama Hunan Satelit TV, China ini menyaksikan penyertaan seramai 123 orang calon dalam kalangan 79 buah negara.

